


# Guru: Mendepani Harapan dan Inspirasi

UB 23.4.2014 B4



**MINDA PENDIDIK**

**MUHAMAD SUHAIMI TAAT**

Bersama, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said Ambotang dan Shukri Zain

**KEPUTUSAN** peperiksaan SPM dan STPM baharu sahaja diumumkan beberapa bulan lalu. Dalam program 'Jom Masuk U' kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa bidang pendidikan terus menjadi pilihan ramai.

Umum mengetahui bahawa untuk memasuki bidang pendidikan khususnya di Institut Pendidikan Guru (IPG) atau di fakulti-fakulti pendidikan di IPTA, seseorang calon itu perlulah memiliki kelulusan akademik yang baik (malah amat baik sebenarnya) dan perlu lulus ujian bertulis yang dilalui. Setelah itu baharulah calon yang lulus ujian bertulis akan dipanggil untuk proses temuduga agar guru-guru pelatih yang diambil adalah merupakan yang terbaik daripada kalangan yang terbaik. Tidak kurang juga terdapat ramai bekas graduan universiti sama ada IPT awam atau swasta yang bertanyakan peluang untuk mengambil program Diploma Lulusan Ijazah (DPLI) atau Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) kerana ingin menjawat jawatan sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah, atau

istilah pendeknya seorang guru siswazah, namun buat masa sekarang tiada lagi ambilan untuk program KPLI atau DPLI. Persoalannya, apakah punca sebenar fenomena ini berlaku? Pelbagai persoalan sering bermain di fikiran penulis: Adakah faktor desakan keluarga atau teman hidup? Adakah faktor demografi seperti latar belakang keluarga dan geografi membatasi karier mereka? Adakah mungkin disebabkan gaji, imbuhan menarik dan kenaikan pangkat? Atau adakah memang sebenarnya calon-calon itu memang berminat dengan profesion keguruan dan perkataan keramat 'guru' menjadi darah daging mereka? Hakikatnya, tiada siapa yang mengetahui jawapan sebenarnya kecuali Allah SWT dan diri mereka sendiri.

Hakikatnya, tugas sebagai seorang guru memerlukan komitmen, iltizam dan motivasi dalaman yang luar biasa untuk kekal sebagai pendidik sejati sehingga ke akhir usia. Banyak kajian membuktikan bahawa sebilangan guru yang lama mengajar akan 'burn out' atau kehabisan motivasi dalam meneruskan perjuangan sebagai insan guru. Malah beberapa kajian terkini juga menunjukkan dapatan yang agak membimbangkan iaitu terdapat guru-guru yang mengajar kurang daripada sepuluh tahun menunjukkan

komitmen yang kurang tinggi. Justeru, tugas guru tidaklah semudah seperti disangka, dan hanya individu yang memiliki hati dan jiwa seorang guru iaitu sentiasa rasa 'asyik' dan 'seronok' dalam usaha mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan serta kemahiran akan berjaya menjadi guru sejati yang cekap dan berkesan. Antara pra syarat utama bagi menjadi seorang pendidik adalah sentiasa 'sejuk mata' dan senang hati apabila melihat sekolah dan pelajar selaku warga utamanya. Guru sebegini sentiasa merasai satu kuasa tarikan sekolah yang kuat dan bukannya merasakan satu kuasa penolakan untuk pergi ke sekolah. Guru harus menyedari bahawa pelajar adalah pelanggan utama yang harus diberikan perkhidmatan terbaik demi kebaikan dan manfaat mereka. Ini bukanlah bermakna guru menjadi hamba kepada pelajar, tetapi sebenarnya melaksanakan tugas, tanggungjawab, peranan, dan amanah yang diberikan dengan penuh ikhlas, minat, dan dedikasi. Oleh yang demikian, baharulah profesion keguruan itu menepati ciri selaku 'pewaris para nabi' dan menjadi ibadah sepanjang kehidupan. Guru hendaklah bijak dalam menangani apa juga isu, situasi, dan masalah yang dihadapi di sekolah khususnya berkaitan pelajar agar pelajar sentiasa teruja untuk menyelami

ilmu yang diperturunkan kepada mereka. Banyak kajian menunjukkan bahawa pelajar akan meminati mata pelajaran yang diajar oleh guru yang disukainya, dan begitulah juga sebaliknya. Walaupun sesetengah mata pelajaran dikatakan sukar, namun faktor penarik oleh guru itu akan mengurangkan tahap kesukaran itu yang seterusnya akan membangkitkan keseronokan dan kemajuan tahap demi tahap. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa aspek sahsiah atau personaliti guru mestilah diberikan penekanan, ditambah lagi dengan kemahiran insaniah (soft skills) tinggi yang dimiliki oleh guru. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah haruslah berlaku dalam keadaan yang selamat, selesa, dan memberangsangkan. Kawalan kelas dan disiplin yang berkesan, dan ditambah lagi dengan daya penarik serta keupayaan kreativiti guru akan dapat mempengaruhi pelajar untuk memberikan perhatian dan fokus terhadap isi pelajaran yang hendak disampaikan. Suasana 'rasa hati' harus dibangkitkan dan diperteguhkan kerana di bilik darjah pelajar menerima isi pelajaran secara formal dan mendapat bimbingan secara 'hands on' daripada seorang guru.

Sejak akhir-akhir ini, seakan-akan menjadi satu 'trend' guru-guru menyambung

pelajaran di peringkat sarjana atau doktor falsafah. Malah, KPM menyediakan pelbagai alternatif rangsangan seperti pemberian biasiswa, cuti belajar dan sebagainya. Keadaan itu menunjukkan bahawa sektor pendidikan sentiasa kompetitif, dinamik dan bergerak ke hadapan seiring dengan profesion profesional lain. Namun, isu yang perlu diberikan perhatian adalah, sekiranya segala ilmu dan kemahiran yang dipelajari tidak mampu untuk menjadikan guru berkenaan lebih cemerlang dalam kerjayanya. Sepatutnya kecemerlangan dalam bidang akademik yang diperoleh menjadikan seseorang guru itu lebih cemerlang dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Untuk menilai kecemerlangan guru, indikator asas yang boleh dilihat adalah kecemerlangan pelajar khususnya dalam bidang akademik di sekolah. Oleh yang demikian, sebaik-baiknya biarlah kecemerlangan seorang guru dalam peningkatan kelulusan akademiknya itu seiring dengan kecemerlangan akademik dan bukan akademik para pelajarannya. Apa yang lebih menyedihkan adalah ada segelintir guru yang menyambung pelajaran semata-mata sebagai satu langkah melarikan diri daripada tugas-tugas dan tanggungjawab di sekolah.

Selain itu, wujud dalam

kalangan guru kelompok yang asyik tidak berpuas hati dengan apa yang diperoleh di sekolah khususnya dalam aspek perjawatan dan imbuhan. Tidak kurang juga yang dahagakan kenaikan gaji dan pangkat. Memanglah tidak boleh dinafikan bahawa mereka berhak untuk menyuarakan kehendak-kehendak yang ingin dipenuhi, namun sewajarnya segala rasa tidak puas hati dan tuntutan dibuat dengan justifikasi yang bijak dan tepat. Adalah menjadi satu kerugian sekiranya pekerjaan guru yang merupakan satu daripada sunah para nabi tidak dapat di kecapi pahalanya di akhirat nanti gara-gara habuan dunia yang tidak seberapa. Ingatlah bahawa apabila sesuatu kerja itu dimulakan dengan niat yang ikhlas dan betul, serta tidak mengharap pujian dan ganjaran yang terlampau di dunia, maka akan dilimpahkan keberkatan dan dipermudahkan segala urusan yang berkaitan dengannya. Sebenarnya isu itu adalah antara cabaran terhebat guru masa kini yang hidup dalam dunia penuh materialisme. Semoga kita tergolong dalam kalangan guru yang sentiasa positif dan komited dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

*\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.*